

Umat Islam diminta bantuan penganut lain

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta dermawan dan pertubuhan Islam turut menyumbang bantuan kepada orang bukan Islam sebagai bukti umat Islam sedia membantu orang yang beragama lain.

Perdana Menteri berkata, kesediaan orang Islam dan pertubuhan Islam berbuat demikian akan memberi gambaran yang baik terhadap agama Islam serta umatnya pada kaca mata orang bukan Islam.

Menurut Dr Mahathir, orang Islam bukan saja sanggup menerima bantuan daripada bukan Islam sebaliknya berupaya membantu orang bukan Islam yang memerlukan bantuan.

Beliau memberi contoh keadaan di Somalia yang kebanyakan bantuan makanan, perubatan dan sumbangan lain diberikan oleh orang bukan Islam.

“Sepatutnya kita tidak menghadkan diri kita daripada menderma kepada orang-orang Islam saja sebaliknya sedia membantu orang bukan Islam.

“Cara ini bukan saja memberi gambaran yang baik kepada agama dan umat Islam bahkan dapat mewujudkan kasih sayang dan persefahaman yang

akan mendorong kepada wujudnya keharmonian dan keamanan,” katanya.

Dr Mahathir berkata demikian di majlis penyampaian bantuan hari raya kepada anak-anak yatim Islam di Wilayah Persekutuan di Bangunan Tabung Haji, malam ini. ●

Beliau turut menasihatkan anak-anak yatim dan penjaganya supaya tidak terikat serta mengharap bantuan seumpama itu semata-mata.

“Anak-anak yatim harus membebaskan diri daripada bergantung kepada bantuan orang lain. Mereka harus memperkayakan diri dengan ilmu, kecekapan dan sanggup berdikari. Cara ini akan menjadikan mereka lebih dihormati,” katanya.

Seramai 507 anak-anak yatim menerima bantuan kewangan RM80 setiap seorang daripada Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan.

Jumlah peruntukan yang disediakan bagi tujuan itu ialah RM40,560.

Perdana Menteri juga menerima sumbangan cek bernilai RM10,000 daripada isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang juga Pengerusi Badan Kebajikan Isteri-Isteri Menteri (Bakti) serta tiga dermawan lain.